

**Affin Dapat Kelulusan Bank Negara Mulakan Rundingan Dengan Hwang-DBS  
Malaysia  
Bernama  
15 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Affin Holdings Bhd berkata ia menerima kelulusan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memulakan rundingan dengan Hwang-DBS (Malaysia) Bhd (HDBS) mengenai cadangan pengambilalihan Hwang-DBS Investment Bank (HDIB).

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, Affin berkata BNM, menerusi suratnya yang bertarikh 12 April, 2013, menyatakan ia tidak menghalang syarikat itu untuk memulakan rundingan awal dengan HDBS untuk mengambil alih dan menggabungkan perniagaan HDIB, termasuk perniagaan perkhidmatan kewangan lain HDBS, dengan kumpulan perbankan Affin.

"Kelulusan untuk memulakan rundingan terhad bagi tempoh enam bulan dan tidak boleh dianggap sebagai kelulusan bagi cadangan pengambilalihan," kata Affin.

Affin berkata ia perlu mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan, dengan cadangan BNM, mengikut Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 baharu, sebelum memeterai sebarang perjanjian untuk melaksanakan cadangan pengambilalihan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942220>